

22 Julai 2020

Encik Zahid Ismail
Timbalan Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Tuan,

**PENJELASAN BERKAITAN STATUS KAJIAN “ENFORCING CONTRACTS:
SOLICITORS’ FEES – MOVING FORWARD”**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan surat tuan bertarikh 16 Julai 2020, berikut adalah kronologi projek berdasarkan maklum balas pegawai projek terdahulu, Puan Nurul Syamimi pada sesi taklimat yang telah diadakan pada 7 Julai yang lepas. Sesi tersebut telah dihadiri oleh En. Suhaimi Hamad, Pengarah MPC, wakil Koperasi MPC dan pegawai MPC yang terlibat. Nota Mesyuarat seperti di Lampiran 1.

3. Tarikh projek didapati berubah - ubah. Projek diluluskan pada 1 April 2019 seperti Keratan Minit Mesyuarat Lembaga Pengurusan MPC Bil. 368/2019 dengan carta perbatuan bermula pada bulan Mac 2019 - Julai 2019. Manakala surat tawaran kepada pembekal menyatakan tarikh projek bermula pada Jun 2019 - Oktober 2019. Walau bagaimanapun deraf kontrak menyatakan tarikh projek bermula Julai 2019 - April 2020. Puan Syamimi menyatakan tidak mendapat kelulusan perubahan tarikh projek daripada BOM.

4. Pihak Koperasi menyatakan telah membuat pembayaran Fasa 2 kepada firma Rhiza & Richard Advocates and Associates yang telah menghantar Laporan Interim pada 12 Februari 2020. Namun Puan Syamimi tidak mengisi RO kerana kontrak projek belum siap dan kertas makluman BOM belum dihantar bagi urusan pembayaran tahun 2020.

5. Kontrak diantara MPC dan Koperasi masih belum disempurnakan menyebabkan pembayaran tidak dapat dilakukan.

6. Puan Syamimi juga belum menyerahkan fail projek sebagaimana yang diputuskan dalam taklimat tersebut.

7. Untuk makluman YBhg TKP, satu ketetapan telah dibuat bagi menyelesaikan isu tersebut.

- i. Menyiapkan kertas BOM bagi mendapatkan peruntukan baru bagi menyelesaikan pembayaran kepada Koperasi. BOM telah dimasukkan ke dalam sistem pada 14 Julai 2020 dan diminta untuk di bentangkan dalam mesyuarat.


- ii. Pihak Koperasi perlu memastikan stamp duty dalam masa terdekat dan menghantar kontrak kepada Unit PCT.
- iii. Sesi Pembentangan Interim kepada MPC oleh Koperasi perlu dijalankan bagi memenuhi terma kontrak dan telah dilaksanakan pada 15 Julai 2020. Terdapat beberapa isu berbangkit pada pembentangan Laporan Interim tersebut yang memerlukan keputusan BOM.

8. Sehubungan dengan itu saya dan Puan Haslizayanti bersedia untuk membuat pembentangan bagi memberi penjelasan dengan terperinci dan seterusnya mendapatkan keputusan BOM bagi halatuju projek ini.

Sekian, terima kasih.

'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID)

Timbalan Pengarah

Unit Strategi Daya Saing Negara

s.k Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah MPC

NOTA PERBINCANGAN

TAKLIMAT STATUS PROJEK KAJIAN ENFORCING CONTRACTS: SOLICITORS' FEES-MOVING FORWARD OLEH PUAN NURUL SYAMIMI ISMAIL

7 JULY 2020

BILIK DMO, BLOK INOVASI, MPC

9.00 pagi – 10.30 pagi

KEHADIRAN:

Bil.	Nama	Organisasi	
1.	En. Suhaimi b. Hamad	MPC	Pengerusi
2.	En. Izani b. Ishak	MPC	
3.	YBhg. Datin Roseleena Hashim	MPC	
4.	En. Mohamad Muzaffar b. Abdul Hamid	MPC	
5.	Pn. Norhashimah bt. Ibrahim	MPC	
6.	En. Mahadi Hasbullah	MPC	
7.	Pn. Wan Khairunnisa Azmi	MPC	
8.	Pn. Nurul Syamimi Ismail	MPC	
9.	En. Ishak Ab. Rahman	Koperasi MPC Berhad	Penulis Minit
10.	En. Hamdi Othman	Koperasi MPC Berhad	
11.	En. Muhammad Afham b. Ishak	Koperasi MPC Berhad	
12.	Pn. Haslizayanti bt. Othman	MPC	

KATA ALUAN Pengerusi:

1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat ke taklimat projek kajian Enforcing Contracts: Solicitors' Fees-Moving Forward yang dibentangkan oleh Puan Nurul Syamimi Ismail.
2. Tujuan perbincangan adalah untuk membincangkan status bayaran kepada pembekal bagi projek kajian tersebut.

PERBINCANGAN & ISU BERBANGKIT:

1. Puan Nurul Syamimi iaitu pegawai projek terdahulu memaklumkan bahawa projek dilanjutkan kerana ketika itu projek dijangkakan bermula selepas dirasmikan oleh Ketua Hakim Negara ketika itu. Walau bagaimanapun, Ketua Hakim Negara ketika itu tidak dapat merasmikan atau melancarkan projek berkenaan. Pelancaran projek tersebut telah diadakan pada 5 Ogos 2019 di Hotel Grand Millennium Kuala Lumpur.

Untuk Makluman

2. Mesyuarat mengesahkan tiada kelulusan tempoh lanjutan projek yang baharu seperti perancangan asal. Fail projek juga perlu diserahkan kepada pegawai projek yang baharu iaitu Puan Haslizayanti sebelum atau pada 10 Julai 2020.

Tindakan: Pn. Nurul Syamimi

3. Wakil Koperasi MPC memaklumkan bahawa telah membuat bayaran Fasa Kedua projek kepada pihak pembekal pada 12 Februari 2020. Namun begitu, proses bayaran Fasa Kedua masih belum dibuat oleh pemilik projek dengan mengisi Borang Permohonan Perolehan MPC(ISO)C8/P3/F.01 serta tidak melampirkan laporan Interim oleh pembekal sebagai syarat pembayaran boleh dibuat. Pembekal juga masih belum membuat pembentangan kepada pihak MPC.

Tindakan: Koperasi MPC

4. Pengerusi bersetuju agar pihak Koperasi MPC dapat mengadakan sesi pembentangan Laporan Interim oleh pembekal kepada pihak MPC bagi tujuan menyelesaikan bayaran Fasa Kedua dan Fasa Ketiga,

Tindakan: Koperasi MPC

5. Pembentangan laporan akhir juga perlu dibuat oleh pembekal bagi menyelesaikan proses bayaran Fasa Ketiga. Selain itu, laporan akhir perlu dibentangkan di dalam mesyuarat PEMUDAH.

Tindakan: Koperasi MPC

6. Pengerusi juga memohon kepada pihak Koperasi MPC untuk memastikan mendapatkan stamp duti pengesahan kontrak serta mengandungi tandatangan asli, Ketua Pengarah MPC, Setiausaha Perbadanan dan Koperasi MPC sebelum diserahkan kepada Unit Perolehan MPC untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: Koperasi MPC

7. Pegawai projek baharu diminta untuk menyediakan Kertas Cadangan BOM bagi menyelesaikan bayaran yang tertunggak kepada pembekal.

Tindakan: Pn. Haslizayanti

8. Berkuatkuasa serta-merta sebarang urusan berkaitan projek adalah diantara MPC dan Koperasi MPC. Koperasi akan menyelaras semua urusan yang melibatkan firma guaman yang dilantik. MPC tidak akan berhubung terus dengan firma guaman bagi memastikan pemantauan projek lebih teratur.


Koperasi bertanggungjawab memastikan laporan interim dan laporan akhir memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam terma rujukan kontrak.

Untuk Makluman

PENUTUP:


1. Pengerusi memohon agar proses bayaran mestilah melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh perolehan MPC serta mengikut terma dan rujukan.
2. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dengan ucapan terima kasih oleh pengerusi.

Disediakan oleh:



Haslizayanti Othman
Hamid
Pengurus
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Malaysia
8 Julai 2020


Disemak oleh:



Mohamad Muzaffar Abdul
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti

8 Julai 2020

Diluluskan oleh:



Suhaimi Hamad
Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
8 Julai 2020